

MAHATHIR - BMF
(1)

1983
KUALA LUMPUR, 16 OKT (BERNAMA)--DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENEGASKAN HARI INI BAHAWA \$1,700 JUTA YANG DILAPOR DIPINJAMKAN OLEH BUMIPUTRA MALAYSIA FINANCE (BMF) KEPADA KUMPULAN CARRIAN DI HONG KONG DILULUSKAN SEMASA TAN SRI KAMARUL ARIFFIN MENJADI Pengerusi Eksekutif Bank Bumiputra.
TETAPI, KATA PERDANA MENTERI, BELIAU TIDAK TAHU SIAPA SEBENARNYA YANG MELULUSKAN PINJAMAN ITU.

+SAYA TIDAK TAHU BUTIR-BUTIR TERPERINCI MENGENAINYA, TETAPI ITULAH GAMBARAN YANG DIBERIKAN KEPADA SAYA,+ KATANYA KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MERASMIKAN PERHIMPUNAN AGUNG MCA DI SINI.

TAN SRI KAMARUL DALAM SATU SIDANG AKHBAR TELAH MEMBERI GAMBARAN BAHAWA SEJUMLAH BESAR DARIPADA PINJAMAN ITU DIBERIKAN SETELAH BELIAU MENINGGALKAN BANK BUMIPUTRA PADA 31 MAC, 1981, DAN BELIAU AKAN HANYA BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP SKANDAL PINJAMAN ITU JIKA PERKARA TERSEBUT BERLAKU SEMASA TEMPOH JAWATANNYA.

MENURUT LAPORAN TAHUNAN BMF 1982, JUMLAH PINJAMAN BMF YANG BELUM DIJELASKAN PADA PENGHUJUNG TAHUN 1982 MENINGKAT KEPADA 108 PERATUS DALAM MASA SETAHUN KEPADA HK\$4,970 JUTA (AS\$695.8 JUTA) DAN PINJAMAN BARU ITU DIKELUARKAN SELURUHNYA OLEH BANK BUMIPUTRA YANG MENYALURKAN HK\$2,280 JUTA KE DALAM BMF DALAM TAHUN 1982. --
LAGI 1636/MD

MAHATHIR
ZCZC B630

MAHATHIR - BMF 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA DITANYA MENGAPA TAN SRI KAMARUL ARIFFIN MENERIMA EMOLUMEN MEMANDANGKAN BELIAU BUKANNYA ANGGOTA LEMBAGA PENGARAH BMF.

+INILAH YANG SAYA TAK FAHAM. SAYA DIFAHAMKAN DARI BANK BUMIPUTRA BAHAWA BELIAU MENERIMA APA YANG DIKATAKAN BAYARAN PERUNDINGAN DAN SAYA HANYA MENYEBUT APA YANG DIBERITAHU KEPADA SAYA DAN SAYA TIDAK TAHU LEBIH DARI ITU,+ KATANYA.

TAN SRI KAMARUL MENGAKUI MENERIMA EMOLUMEN TAMBAHAN DARI BMF TETAPI MENAFIKAN WANG TERSEBUT IALAH BAYARAN PERUNDINGAN.

+ITU TERPULANGLAH KEPADANYA APA YANG HENDAK DINAMAKANNYA,+ KATA PERDANA MENTERI.

+BILA SAYA MENYEBUT BAYARAN PERUNDINGAN, SAYA MAKSUDKAN HK\$1.5 JUTA YANG DIBAYAR KEPADANYA MENURUT REKOD BANK BUMIPUTRA DAN SAYA TIDAK TAHU SAMA ADA TAN SRI KAMARUL BERCAKAP TENTANG INI ATAU PUN TENTANG SATU PERKARA LAIN.+

TENTANG KENYATAAN TAN SRI KAMARUL BAHAWA PERDANA MENTERI TIDAK MEMBINCANGKAN PERKARA ITU DAHULU DENGANNYA SEBELUM MENGADAKAN SATU SIDANG AKHBAR MINGGU LALU, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA:
+ITU PENDPATNYA. BELIAU JUGA TIDAK PERNAH MENGHUBUNGI SAYA.+ --
LAGI 1645/MD

MAHATHIR - BMF 2 KUALA LUMPUR

LAPORAN ITU MENUNJUKKAN BAHAWA BMF BERHUTANG SEJUMLAH HK\$1,100 JUTA (KIRA-KIRA \$473 JUTA PADA KADAR PERTUKARAN KETIKA ITU) DENGAN SYARIKAT INDUKNYA DAN JUMLAH ITU MENINGKAT KEPADA HK\$1,900 JUTA DALAM TAHUN 1981 DAN HK\$4,162 JUTA PADA AKHIR TAHUN 1982.

DITANYA SAMA ADA PENINGKATAN KEPADA 108 PERATUS ITU BERLAKU SETELAH TAN SRI KAMARUL MENINGGALKAN BANK BUMIPUTRA, PERDANA MENTERI BERKATA: +SEBELUM.+

+SEPERTI YANG TELAH SAYA KATAKAN, ADA PERCUBAAN UNTUK MENGE-
LUARKAN WANG BAGI MENYELAMATKAN WANG YANG HANGUS.+

DITANYA SIAPAKAH YANG BERTANGGUNGJAWAB MELULUSKAN PINJAMAN ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA: +ITU KEPUTUSAN MEREKA SENDIRI. SAYA TIDAK TAHU SIAPA SEBENARNYA.+

DITANYA SAMA ADA INI BERERTI BAHAWA DALAM TAHUN 1982 TIDAK ADA PINJAMAN DIKELUARKAN OLEH BMF, PERDANA MENTERI BERKATA: +SAYA TIDAK KATAKAN BEGITU TETAPI WANG TELAH DIKELUARKAN UNTUK MENYELAMATKAN WANG YANG HANGUS, DAN SAYA TIDAK TAHU BERAPAKAH BANYAKNYA.

+TETAPI INI PERKARA BIASA YANG DILAKUKAN OLEH ORANG KETIKA MEREKA TERSEKIT,+ KATANYA. --LAGI 1640/MD
NNNN

ZCZC B631

MAHATHIR - BMF 4 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI, BAGAIMANAPUN, ENGGAN MENGULAS TENTANG KENYA-
TAAN YANG DIBUAT OLEH PENGURUS BESAR BMF, ENCIK IBRAHIM JAAFAR,
YANG MENAFIKAN MENERIMA BAYARAN PERUNDINGAN TETAPI TELAH DIBAYAR
BONUS DARIPADA KEUNTUNGAN YANG DIPEROLEHI.

KATANYA SOALAN ITU HENDAKLAH DITUJUKAN KEPADA BANK BUMIPUTRA.
TENTANG LAPORAN MENGENAI PERLETAKAN JAWATAN OLEH Pengerusi
BMF, ENCIK LORRAINE ESME OSMAN DAN PENGARAH BMF, DATUK HASHIM
SHAMSUDDIN, PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU TIDAK TAHU TENTANG
PERKARA ITU KERANA IA MERUPAKAN HAL-EHWAL PENTADBIRAN BANK BUMI-
PUTRA.

BELIAU SETUJU SEPATUTNYA PERKARA ITU TELAH DIBERITAKU KEPADANYA
OLEH Pengerusi BANK BUMIPUTRA, DR NAWAWI MAT AWIN, TETAPI MENAMBAH:
+OLEH KERANA SAYA TERLALU SIBUK, BELIAU TIDAK DAPAT MENEMUI SAYA.+
--BERNAMA 1650/MD